



# The Observer

**04.08.2023**

## ❖ **Pengecilan lot niaga, pemindahan automatik dan peluang pertumbuhan untuk PKS**

Kerangka Ekonomi Madani yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini merangkumi tiga aspek yang bakal memanfaatkan pasaran modal secara umum, khususnya Bursa Malaysia dan pemegang saham minoriti.

### **Pengecilan lot niaga**

Kerangka ini menyebut tentang pengecilan saiz lot dan membenarkan pelaburan saham secara pecahan.

Pada masa ini, lot niaga atau saiz lot minimum untuk didagangkan, ialah 100 saham. Namun begitu, terdapat beberapa syarikat yang diidam-idamkan oleh pemegang saham, tetapi mereka merasakan kos kemasukan untuk membeli lot niaga itu mungkin terlalu mahal dan di luar kemampuan.

Contohnya, Nestle (Malaysia) Berhad, saham paling mahal yang disenaraikan di Bursa Malaysia (mengikut harga saham). Ia ditutup pada RM133 sesaham pada 4 Ogos 2023. Pembelian lot niaga saham Nestle menelan kos RM13,300, jauh melebihi gaji bulanan sebahagian besar rakyat Malaysia dan lebih tinggi daripada pendapatan boleh guna mereka. Mereka perlu mengikat perut sekurang-kurangnya beberapa bulan untuk membeli satu lot niaga Nestle.

Selain itu, terdapat banyak saham lain yang didagangkan dalam julat harga RM20 hingga RM30 sesaham. Justeru, pembelian lot niaga ini akan menelan belanja RM2,000 hingga RM3,000. Oleh itu, pengecilan saiz lot niaga menjadikan saham mahal lebih mampu milik.

Misalnya, jika lot niaga dikecilkan kepada sepuluh saham, maka lot niaga Nestle akan berharga RM1,330. Lot niaga saham yang berharga RM2,000 hingga RM3,000 pula dapat dikecilkan kepada RM200 hingga RM300 iaitu tahap yang lebih mampu dimiliki oleh pemegang saham runcit.

Di Bursa Malaysia, terdapat 10 kaunter yang sahamnya didagangkan pada harga antara RM20 hingga RM30 sesaham sementara 11 lagi kaunter, sahamnya didagangkan antara RM10 hingga RM20 sesaham. Kaunter selebihnya didagangannya di bawah RM10.

Walau bagaimanapun, ada dua isu berkaitan yang perlu diketengahkan. Pertama, saham murah akan menjadi lebih murah, mungkin kurang daripada satu sen jika pengecilan lot niaga dilaksanakan secara menyeluruh. Kedua, kos transaksi mungkin lebih mahal daripada kos lot niaga yang sudah dikecilkan.

Katakan semua perkara tetap sama, pengecilan lot niaga bermakna lebih ramai pemegang saham minoriti kini mampu membeli saham tertentu. Ini akan diterjemahkan kepada peningkatan volum dan nilai dagangan, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kecairan.

Sebaliknya, inisiatif yang membolehkan perdagangan saham secara pecahan adalah satu lagi topik yang menjadi buah mulut dalam kalangan komuniti pelabur. Kita mempunyai pasaran lot ganjil yang agak tidak cair yang mendagangkan lot ganjil. Namun, pelaburan saham secara pecahan adalah arena yang berbeza sama sekali.

Pelaburan saham pecahan membenarkan pelabur membeli sebahagian atau pecahan saham berdasarkan jumlah nominal yang mampu dibeli oleh pelabur dan bukannya berdasarkan bilangan saham tertentu. Saham pecahan memudahkan pelabur mengakses pelaburan dalam syarikat yang mempunyai tanda harga yang tinggi. Jadi, pelabur boleh membeli, misalnya RM10 daripada kaunter tertentu.

Inisiatif ini benar-benar mengubah permainan. Ia memerlukan perbincangan yang mendalam dan penyelidikan yang teliti sebelum dilaksanakan kerana mungkin akan melibatkan perubahan sistem dan peraturan yang ketara. Kos transaksi juga perlu dipertimbangkan sebelum ia dilaksanakan.

### **Pemindahan automatik ke Pasaran Utama**

Dari sudut susunan hierarki dalam pasaran ekuiti Malaysia, Pasaran Utama berada paling atas diikuti oleh Pasaran ACE dan seterusnya Pasaran LEAP. Terdapat rangka kerja khusus yang disediakan untuk pasaran ACE dan LEAP untuk naik ke peringkat seterusnya.

Peralihan penyenaian secara automatik daripada Pasaran ACE ke Pasaran Utama Bursa Malaysia yang diumumkan di bawah kerangka Ekonomi Madani akan memberikan kelebihan kepada syarikat-syarikat dalam pasaran ACE kerana disenaraikan di Papan Utama secara tersirat memberikan pentauliahkan kepada syarikat serta berstatus premium.

Syarikat-syarikat ini perlu memenuhi kriteria tertentu dan jika mereka menepati syarat-syarat yang diberikan, maka kenaikan dari Pasaran ACE ke Pasaran Utama hendaklah dibuat secara automatik atau hampir automatik. Kemudahan mobiliti, ketepatan masa dan kelancaran untuk berhijrah dari Pasaran ACE ke Pasaran Utama akan mendorong lebih banyak syarikat, kebanyakannya perusahaan kecil dan sederhana (PKS), untuk disenaraikan di Pasaran ACE. Mereka dapat melihat Pasaran Utama berada dalam jangkauan, ibarat cahaya di hujung terowong dan mereka tahu tindakan yang perlu dilaksanakan untuk mencapai matlamat itu.

Syarikat-syarikat dalam Pasaran ACE bukanlah entiti asing bagi pengawal selia kerana mereka sudah pun berada di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Sekuriti

(Securities Commission, SC) dan Bursa Malaysia. Peraturan yang dikenakan terhadap mereka adalah serupa. Oleh yang demikian, mereka tidak lagi memerlukan penilaian lanjut, pentaksiran yang menjerihkan serta usaha wajar yang terperinci.

Manfaat tersirat yang dinikmati oleh syarikat dalam Pasaran Utama ialah mereka boleh berada di bawah radar pelabur institusi. Ini adalah kerana sesetengah pelabur institusi dihadkan oleh mandat pelaburan mereka untuk melabur hanya dalam syarikat-syarikat Pasaran Utama.

Mempunyai pelabur institusi membawa banyak manfaat kepada sesebuah syarikat kerana terdapat akreditasi tersirat yang datang bersama-sama pelaburan institusi tersebut. Ia menyediakan sokongan kewangan yang lebih kukuh untuk pelaksanaan korporat yang bertujuan mengumpul dana. Jika pegangan pelaburan sudah cukup besar, pengarah penama profesional boleh menyertai lembaga syarikat penerima pelaburan itu. Ini sahaja sudah cukup memotivasikan syarikat ACE untuk berhijrah ke Pasaran Utama.

### **Peluang pertumbuhan**

Kerangka Ekonomi Madani juga berhasrat membiayai industri kecil dan sederhana untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan baharu. Namun, dokongan itu mestilah cukup menarik untuk membangkitkan minat PKS.

Terdapat banyak PKS yang membentuk tulang belakang ekonomi Malaysia yang boleh menjadi saluran yang tersedia untuk penyenaiaan di ACE dan Pasaran Utama. Hasilnya, lebih banyak syarikat tersenarai, lebih banyak subsektor, permodalan pasaran yang lebih tinggi, meningkatkan volum pasaran dan lebih banyak pilihan pelaburan untuk pemegang saham.

Tiada sebab mengapa PKS tidak berhasrat untuk disenaraikan kerana kos modal saham adalah sifar berbanding pinjaman bank jika halangan dihapuskan. Untuk tujuan ini, PKS dan organisasi perwakilan mereka perlu mengadakan perbincangan yang jujur dan terbuka, yang membolehkan mereka mengenal pasti rintangan yang menghalang PKS daripada mencari jalan untuk menjadi syarikat tersenarai.

Secara tuntas, pengumuman kerangka Ekonomi Madani boleh mencetuskan perubahan yang dapat dilihat serta memberikan dorongan yang besar kepada bursa saham dan jumlah dagangan. Malah, manfaat limpahan sentiasa tersedia untuk banyak pihak berkepentingan, terutamanya pemegang saham. Tetapi, seperti biasa, semuanya bergantung pada pelaksanaannya.

### **Devanesan Evanson Ketua Pegawai Eksekutif**

---

#### **PEMANTAUAN KORPORAT MSWG**

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))  
Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))  
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))

---

#### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

---

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.